

22/04/2004

Jualan unit ASD ditambah

By Mohd Anwar Patho Rohman

KEPALA BATAS: Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menawarkan tambahan jualan unit bagi Amanah Saham Didik (ASD) tidak lama lagi, kata Presiden dan Ketua Eksekutif PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman.

Beliau berkata, PNB bersetuju membuat penambahan langganan selepas menerima banyak permintaan orang awam yang mahu melabur dalam skim itu.

"Bila kita bersedia, kita akan umumkan mengenai perkara ini pada minggu depan bergantung kepada proses menyiapkan kertas kerja dan sebagainya.

"Kita berharap pelabur Bumiputera akan merebut peluang ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB Peringkat Kebangsaan (kategori sekolah menengah kebangsaan dan universiti) di Dewan Milenium, Kepala Batas, semalam.

Hadir sama Naib Presiden Kanan Satu Bahagian Kewangan Korporat, Komunikasi dan Antarabangsa PNB, Jamiah Abdul Hamid.

ASD dilancarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 20 April 2001 dengan tujuan khusus untuk membantu Bumiputera.

ASD terbuka kepada Bumiputera seawal usia enam bulan pada harga RM1 seunit dengan pelaburan permulaan sebanyak 100 unit dan maksimum 100,000 unit.

Dengan saiz dana berjumlah 300 juta unit, ASD adalah skim saham amanah ketujuh daripada 10 yang diwujudkan PNB.

Skim amanah saham lain ialah Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3), Amanah Harta Tanah PNB 2 (AHP 2) dan terbaru Amanah Saham Gemilang (ASG).

Hamad Kama Piah berkata, sambutan menggalakkan yang diterima PNB terhadap skim amanah menunjukkan kesedaran semakin meningkat di kalangan orang ramai.

"Ia menggambarkan orang awam kini lebih peka dan mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi terhadap skim amanah.

"Saya amat gembira dengan perkembangan ini," katanya.

(END)